



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 22 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JKM DAFTAR 674,548 OKU DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215119/jkm-daftar-674548-oku-dalam-kalangan-rakyat-malaysia	BHARIAN.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/chief-statistician-more-than-674000-pwds-registered-with-jkm-as-of-2022-DA12126151	THESUN.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272170	BERNAMA.COM
	https://www.wilayahku.com.my/lebih-674000-oku-berdaftar-dengan-jkm/	WILAYAHKU.MY
	https://www.dagangnews.com/article/lebih-674000-oku-berdaftar-dengan-jkm-pada-2022-dosm-35102	DAGANGNEWS.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/oku-berdaftar-di-malaysia-674548-orang/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/21/2-peratus-penduduk-malaysia-berstatus-oku/	KOSMO.COM.MY
	https://selangorkini.my/2024/02/lebih-674000-oku-berdaftar-dengan-jkm/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	'RAKYAT BOLEH CADANG REFORMASI KPWKM' - NANCY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650714/berita/nasional/rakyat-boleh-cadang-reformasi-kpwkm---nancy	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=0Uel15E33vs	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JUNJUNG HAK WANITA	
	https://suarasarawak.my/junjung-hak-wanita/	SUARASARAWAK.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	LAWATAN KERJA KE RUMAH KANAK-KANAK MINI CHERAS	
	https://umno-online.my/2024/02/21/lawatan-kerja-ke-rumah-kanak-kanak-mini-cheras/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	300 JOINED PROGRAM KASIH FOR CERVICAL CANCER SCREENING	
	https://www.ipohecho.com.my/2024/02/20/300-joined-program-kasih-for-cervical-cancer-screening/	IPOHECHO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	NOKTAHKAN SEGERA ISU GELANDANGAN DI ERA MALAYSIA MADANI	
	https://harapanmadani.com/noktahkan-segera-isu-gelandangan-wajar-dinoktahkan-di-era-malaysia-madani/	HARAPANMADANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LEBIH 10,000 TERIMA BEG MAKANAN YAYASAN PETRONAS	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272237	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	LAWATAN TURUN PADANG YB MENTERI KPWK KE LAMAN WANITA (LAWA), JASIN MELAKA	
	https://www.youtube.com/watch?v=iTSyhoKrwz0	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	VIDEO LOGO HARI WANITA ANTARABANGSA 2024	
	https://www.youtube.com/watch?v=7ag0BDRJ4Co	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	VIDEO MONTAJ SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI SARAWAK 2024	
	https://www.youtube.com/watch?v=cmezdx1-RJQ	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BERI ALASAN CARI KERJA UNTUK TINGGALKAN BAYI	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/beri-alasan-cari-kerja-untuk-tinggalkan-bayi/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PUSTAKA NEGERI SARAWAK ANJUR CERAMAH KOMUNITI PADA 26 FEBRUARI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/21/pustaka-negeri-sarawak-anjur-ceramah-komuniti-pada-26-februari	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	3 BERANAK MATI TERGANTUNG DI KIPAS: MANGSA WANITA PERAMAH, CERIA - JIRAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215259/3-beranak-mati-tergantung-di-kipas-mangsa-wanita-peramah-ceria-jiran	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
14	'SAYA KEHILANGAN GURU POLITIK' - NANCY SHUKRI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062733/saya-kehilangan-guru-politik-nancy-shukri	HMETRO.COM.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/02/21/loss-of-a-political-mentor-nancy-shukri/	TVSARAWAK.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/21/tun-taib-insan-pertama-mengajar-saya-dalam-politik-kata-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/21/taib-guru-politik-saya-kata-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/02/21/tun-taib-insan-pertama-ajar-saya-tentang-politik-nancy/	TVSARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/taib-guided-me-in-politics-nancy/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://suarasarawak.my/taib-insan-pertama-mengajar-saya-bidang-politik-kata-nancy/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215000/saya-kehilangan-guru-politik-nancy-shukri	BHARIAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1015846/minister-nancy-shukri-recalls-taibs-mentorship-politics	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	JURUTEKNIK TAK MENGAKU SALAH DUA PERTUDUHAN CABUL SEPUPU PEREMPUAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215111/juruteknik-tak-mengaku-salah-dua-pertuduhan-cabul-sepupu-perempuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062866/juruteknik-tak-mengaku-cabul-sepupu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	PETANI DIDAKWA ROGOL REMAJA DIBICARA 17 SEPTEMBER	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/229182/petani-didakwa-rogol-remaja-dibicara-17-september/	DAILYEXPRESS.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

22/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
17	LELAKI RAKAM AKSI ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK TIRI DIDAKWALELAKI RAKAM AKSI ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK TIRI DIDAKWA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062834/lelaki-rakam-aksi-rogol-amang-seksual-anak-tiri-didakwa	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215092/pemotong-rumput-tak-mengaku-salah-rogol-rakam-aksi-cabul-anak-tiri	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/21/rogol-amang-seksual-anak-tiri-15-tahun-lelaki-mengaku-tak-salah/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=OkTXFL4WEn4	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=XSgK-o9yIF4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
18	M'SIAN GETS 69-MONTH JAIL FOR RAPE IN NZ	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/21/msian-gets-69-month-jail-for-rape-in-nz	THESTAR.COM.MY



JKM daftar 674,548 OKU dalam kalangan rakyat Malaysia

Oleh Essa Abu Yamin - Februari 21, 2024 @ 2:40pm

essabuyamin@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Seramai 674,548 orang kurang upaya (OKU) berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 2022, iaitu dua peratus daripada penduduk Malaysia, berdasarkan Statistik Orang Kurang Upaya, Malaysia, 2022 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan hari ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam kenyataannya, berkata daripada jumlah itu, 36.3 peratus terdiri daripada OKU dalam kategori fizikal, diikuti oleh kategori masalah pembelajaran (35.1 peratus) dan masalah penglihatan (8.8 peratus).

"Masalah pertuturan mencatatkan pendaftaran terendah iaitu 0.5 peratus.

Dalam sektor guna tenaga, penjawat awam OKU yang berkhidmat pada tahun 2022 adalah seramai 3,724 orang, meningkat daripada 3,694 orang pada 2021.

"Untuk sektor swasta, jumlah OKU yang berkhidmat pada tahun 2022 adalah 3,186 orang, meningkat daripada 1,377 orang pada 2021," katanya.

Kenyataan berkenaan menyatakan, statistik bagi pendapatan dan perbelanjaan pula menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah bagi isi rumah yang mempunyai OKU sebagai ahli isi rumah pada 2022 adalah RM4,390 dan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata adalah RM5,679.

"Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata bagi isi rumah yang mempunyai OKU pula adalah RM3,974 pada tahun yang sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan sejumlah 1.3 bilion orang mengalami kecacatan yang ketara sehingga Mac 2023, iaitu 16 peratus daripada populasi penduduk dunia.

"Di Malaysia, peratus OKU berdaftar sehingga 2022 adalah dua peratus yang mana ia lebih rendah berbanding anggaran WHO di peringkat global," katanya.



'Rakyat boleh cadang reformasi KPWKM' – Nancy

Oleh FARHANA ABD KADIR [Follow](#) 21 Februari 2024 07:45pm

TOWN HALL
RAKYAT *Sinar*

#TownHallRakyat #SinarHarian

Bersama...
NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

22 FEBRUARI 2024, KHAMIS 8:30 MALAM
AUDITORIUM KARANGKRAE,
SEKSYEN 15, SHAH ALAM
Hos: FIKRY IBRAHIM

TERBUKA KEPADA ORANG RAMAI

Saksikan secara langsung di
www.sinarharian.com.my

Sinar Online | Sinar Harian | Sinar Harian TV | Sinar Harian | Sinar Harian Official | Sinar Harian Online


Program Town Hall Rakyat bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri yang dihoskan oleh Fikry Ibrahim pada Khamis ini.

SHAH ALAM - Rakyat boleh menyuarakan cadangan bagi melakukan reformasi terhadap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam program Town Hall Rakyat kali kesembilan pada Khamis.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, menerusi program tersebut rakyat boleh berinteraksi dan mendapatkan maklumat secara langsung mengenai kementerian itu.

"Rakyat perlu menggunakan peluang ini sepenuhnya untuk mengetahui mengenai kementerian dan juga memberi komen serta cadangan kepada kami.

"Kita perlukan pandangan daripada rakyat supaya dapat bersama-sama melakukan perubahan atau reformasi kementerian," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.



Junjung hak wanita

Ekamiezza Kamil

KEGANASAN terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia melangkaui batas agama, bangsa dan budaya. Mangsa sering kali memilih untuk tidak melaporkan kekerasan yang dialami kerana takut akan pelaku dan tekanan sosial daripada keluarga atau rakan.

Kebanyakan kes keganasan dilakukan oleh individu yang dikenali oleh mangsa, seperti suami, bekas suami atau teman lelaki.

Banyak kes tidak dilaporkan akibat dianggap sebagai masalah keluarga atau peribadi.

Terdapat juga kes mangsa tidak tahu cara untuk membuat laporan kes.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, kes keganasan rumah tangga pada 2023 di seluruh negara sebanyak 5,507 kes dengan sedikit penurunan kes berbanding 2022, iaitu 6,540 kes telah dilaporkan.

Sarawak menjadi negeri ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kedah dengan jumlah kes keganasan rumah tangga dari 2020 hingga 2023 iaitu sebanyak 2,345 kes.

Bagi 2023, kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan di negeri ini sebanyak 473 kes berbanding 624 kes pada 2022.

Terdapat sedikit penurunan kes sebanyak 24.2 peratus.

Tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuk masyarakat setempat.

Oleh itu, penubuhan Skwad Waja merupakan langkah positif ke arah membangunkan kolaborasi yang baik terhadap wanita.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Skwad Waja harus menjadi mata serta telinga dalam komuniti terutamanya dalam isu keganasan terhadap wanita.

TEKANAN SOSIAL

Beliau berkata, keganasan terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia dan mangsa sering kali memilih untuk tidak melaporkan kekerasan dialami kerana takut kepada pelaku serta tekanan sosial daripada keluarga atau rakan.

Katanya, kebanyakan kes keganasan dilakukan oleh individu dikenali mangsa, seperti suami, bekas suami atau teman lelaki dan banyak yang tidak dilaporkan akibat dianggap sebagai masalah keluarga atau peribadi.

"Oleh sebab itu, Skwad Waja perlu menjadi mata dan telinga kepada rakan-rakan dan jiran kita.

Kita perlu peka sekiranya kita dengar jiran sebelah rumah bergaduh misalnya.

"Sebelum ini, kita selalu dengar jangan jaga tepi kain orang tetapi sekarang kita perlu lakukan itu untuk membantu mereka yang memerlukan, dan ini bukan bermakna kita penyibuk," katanya berucap pada program Semarak Skwad Waja Sarawak baru-baru ini.

Kesedaran dan pemahaman mengenai isu ini penting untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai.

Program sukarelawan Skwad Waja, di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), bertujuan untuk memperkasa komuniti dengan menyediakan bimbingan psikososial dan melaksanakan aktiviti komuniti.

Program ini merangkumi pelbagai aspek seperti kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan, dan ekonomi untuk meningkatkan kesedaran tentang jenayah terhadap wanita.

Skwad Waja berfungsi sebagai agen perubahan yang meningkatkan pengetahuan wanita dalam hal perundangan, modus operandi jenayah, dan tindakan yang perlu diambil menjadikan mereka berdaya, berani, dan sensitif terhadap keperluan masyarakat.

Skwad Waja juga bertindak sebagai sumber rujukan untuk masyarakat dalam menangani keganasan terhadap wanita dan membantu mangsa merujuk kes kepada pihak berwajib serta mendapatkan bantuan profesional.

BANTUAN PROFESIONAL

Program ini bertujuan untuk menyampaikan peranan Skwad Waja sebagai penggerak utama dalam komuniti dan sebagai penggerak balas pertama dalam menghadapi isu sosial, memperkuatkan masyarakat yang penyayang dan prihatin.

Sejak penubuhan Skwad Waja pada 2021 hinggalah Disember 2023, terdapat seramai 329,221 ahli termasuk 254,506 wanita (77.3 peratus) dan 74,715 lelaki (22.7 peratus).

Bagi Sarawak sahaja, terdapat 2,919 ahli Skwad Waja melibatkan 2,807 wanita dan 112 lelaki. Melalui keahlian ini, ahli-ahli Skwad Waja turun padang menyantuni masyarakat dan komuniti.


Sebanyak 1,012 program psikososial Skwad Waja dijalankan dalam komuniti di seluruh negara melibatkan 72,942 orang berjaya disantuni.

Program Semarak Skwad Waja Negeri Sarawak 2024 bertujuan untuk meluaskan pemahaman dan kesedaran mengenai peranan Skwad Waja dalam membantu komuniti pelbagai etnik dan latar belakang di Sarawak, khususnya dalam kalangan wanita.

Inisiatif ini dilancarkan seiring dengan agenda kementerian untuk memperkasakan wanita agar lebih berani dan bijak dalam menghadapi isu keganasan, menyediakan mereka agar bersedia menghadapi segala bentuk keganasan terhadap wanita.

Program ini menyediakan latihan untuk meningkatkan pemahaman psikologi, ketahanan, dan hak-hak perundangan melalui modul MATAHARI dan IRIS, bertujuan meningkatkan kemampuan wanita dalam menghadapi keganasan serta memahami hak-hak mereka.

Program ini juga menekankan peranan penting pemimpin wanita dalam komuniti di Sarawak, mempertingkatkan wanita dan memperkuatkan komuniti.



Lawatan Kerja ke Rumah Kanak-Kanak Mini Cheras

21 February 2024 Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 20 Feb- Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad merangkap Ketua Wanita UMNO mengadakan Lawatan Kerja ke Rumah Kanak-Kanak Mini Cheras di sini hari ini. Rumah Kanak-Kanak (RKK) ini ditubuhkan untuk memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak disamping menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.



KUALA LUMPUR 20 Feb- Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad merangkap Ketua Wanita UMNO mengadakan Lawatan Kerja ke Rumah Kanak-Kanak Mini Cheras. Turut bersama saya ialah Dr. Sopian Hj. Brahim, Pengarah Bahagian Kanak-kanak JKM dan Tuan Hj. Azmir Kassim, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor serta pegawai-pegawai JKM.

Rumah Kanak-Kanak (RKK) ini ditubuhkan untuk memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak disamping menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.



300 joined Program Kasih for Cervical Cancer Screening

Belga Jazmah Zaheri



MANJUNG: About 300 people attended the Program Kasih by the Ministry of Women, Family and Community Development's (KPWKM) Gempur Cervical Cancer Screening (HPV DNA) at Pantai Manjung Hospital here recently.

Chairman of the Women, Family, Social Welfare, Entrepreneurship, and Cooperative Development Committee Perak, Salbiah Mohamed, stated that the program in conjunction with the 2024 National Cervical Cancer Awareness Month in the state of Perak aims to raise awareness among women to undergo early screenings



"The program serves as a reminder for women to undergo early screenings to prevent adverse effects.

"Congratulations to the Population and Family Development Board (LPPKN) members, the Pantai Hospital team, and all those involved in organizing this program," she said on her Facebook after attending to inaugurate the program.



According to her, through that program, 70 women underwent HPV DNA screening for cervical cancer.

"While 50 women registered for subsidized mammograms for breast cancer screening," she said.



She emphasized that cervical cancer is a silent threat affecting women worldwide.

"However, early detection is the key to successful treatment and better outcomes.

"In Malaysia, it is the fourth most frequently detected cancer among women and the second most common in those aged 44 and below," she said.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Noktahkan Segera Isu Gelandangan Di Era Malaysia MADANI

PENARAF 20 Mei – Semasa tamat mesra dalam kesibukan dalam cuba pangkat Tahun Baru Cina, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur berkunjung ke kawasan sekitar Medan Pasar untuk meninjau isu gelandangan yang telah menjadi masalah sosial membimbangkan di Malaysia. Apabila lagi jumlahnya amat ramai dan membandingkan golongan dewasa, warga emas, dan juga pemegang kad UNHCR cuba menerangkan kehidupan serba mahal di bu kota.

Terdapat gelandangan, menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diklasifikasikan sebagai orang yang tidak mempunyai tempat tinggal di hadapan tetap dan orang yang biasanya tinggal di jajanan seperti di bawah jambatan atau belakang brong.

Meraka beres dengan pengemri, kerana mereka tidak mengahapirkan sedakan kewangan. Mereka hanya soka mendapat di tepi jalan, bukan kerana mereka menghadapi masalah mental tetapi mereka memilih paya hidup normal sehingg.



Isu gelandangan di bu kota wajar diselesaikan segera bagi memastikan kebajikan mereka dijaga dan sebagai persembahan Tahun Mawar Malaysia 2025. Foto Andre Lai

Setiap hari, mereka menunggu di tempat yang sama, untuk bantuan makanan yang dihantar hampir setiap hari oleh perubuhan/NGO yang berbeza. Mereka juga boleh membariskan barisan di bandar awam berdekatan.

Kadang-kadang, ada juga yang mahu beli makanan di situ kepada mereka meskipun mereka tidak meminta.

Bealiti Gelandangan Bu Kota

Lanjutan tapak oleh para Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Carmen Leong, Dr Basri dan Lai Chen Heng juga sempat menemuhati beberapa orang daripada mereka selaku gelandangan.

Salah seorang daripadanya, Osman, merupakan seorang budaya biru dan memilih untuk menetap di tepi jalan selama 30 tahun lamanya. Pada asalnya ia adalah kerana faktor keluarga. Tetapi kerana kesihatan Osman telah memburu, dia tidak sanggup.

Oleh kerana dia telah lama menetap di sana, Osman diawasi sebagai kelua gelandangan di kawasan tersebut. Sekarang lagi bernama En. Yusni, seorang pemegang kad UNHCR bangsa Cina dari Myanmar yang terpaksa menetap di Medan Tua kerana tidak ada kerja kelengkapan yang menyebarkan bangannya cedera.



Tiga Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Andre Lai (tengah), Carmen Leong (sebelah kiri) dan Dr Abdul Basri (sebelah kanan) berbincang dengan gelandangan di bu kota. Foto Andre Lai

Ketika dua mereka, tidak mempunyai sebarang kecacatan dan sepatutnya boleh berkerja mendapat peluang pekerjaan.

Tidak dapat diabaikan, banyak usaha daripada kerajaan telah dilakukan demi membantu mereka keluar dari keadaan papa kedua.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) misalnya, boleh memproses bantuan bulanan kepada keluarga yang miskin tegar, sama juga dengan Bakulmal dan MADWP. Mereka yang 'homeless' juga boleh memohon bantuan daripada Yayasan Kebajikan Negara di bawah KPNRM melalui pusat perlinungan di lima lokasi seluruh negara.

Perkasa Panggi Anjung Singgah Abad Ika Gelandangan

Pusat perlinungan yang dinamakan oleh nama Anjung Singgah, mempunyai sebuah pusat di tengah pusat bandaraya di Jalan Hing Leku.

Pada masa yang sama, terbiat juga usaha CSR pihak swasta yang membiatkan pusat transit gelandangan untuk kerjain di Bukit Pahang dan Lorong Medan Tuanku 2.

Pusat pusat ini boleh melampung ramai penghuni, dengan syarat hanya boleh melampung tidak lama daripada satu bulan. Ia diwujudkan untuk tujuan transit, di mana penghuni hanya mendapatkan kerja atau rumah sementara mereka menetap di pusat tersebut.



Peranan Anjung Singgah sebagai pusat transit bagi gelandangan mampu membantu mengatasi isu bekalan namun penambah baik operasi wajar ditahap. Foto Andre Lai

Namun, mereka gelandangan masih lagi memilih untuk menetap di tepi jalan. Yang anehnya, mereka kelihatan seperti orang biasa. Ada yang mempunyai telefon pintar dan kenderaan kakitangan seperti orang bekerja.

Terdapat sebuah papan notis oleh DBKL, untuk menggalakan pendama malaman menghantar ke Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, tetapi aktiviti terus dijalankan hampir setiap hari.

Apakah lagi di musim perayaan pada hari yang sama, kelihatan juga mereka memberi ingku kepada para gelandangan dan secara tidak langsung menggalakan sebarang usaha DBKL dan agensi kerjain dalam isu ini.

Tinjauan mengenai kawasan tempung gelandangan tidak mempunyai perselitan kebersihan yang baik. Bau hanyat dan tidak menyenangkan, meskipun kawasan tempung pencucian berdekatan hanya 200 meter.

Usaha DBKL untuk membersihkan kawasan juga terbantu apabila pesta gelandangan memisahkan harta benda awam, terutamanya mural dinding yang sepatutnya boleh menarik perhatian pesakit.

Sebelum Tahun Baru Cina, sponsor bersepadu oleh agensi kerjain berkaitan dan DBKL telah membuat anggaran bawahan jumlah seramai 300 lebih orang gelandangan masih lagi menetap di kawasan dalam lingkungan sekitar Tom Seperti Medan Tuanku, Komplek Indah dan Jalan Hing Leku.

Namun, segala usaha membantu gelandangan tidak dapat mencapai matlamat. Antara sebabnya kelangkaan daripada agensi kerjain sendiri. JKJ misalnya, boleh memben perolongan tetapi tidak berkuasa untuk menghantar mereka ke pusat gelandangan.

Semua Pihak Harus Kelibatkan Isu, Penyelidikan Tuntas Diperlu

Begitu juga YBN dengan banyak pusat gelandangan seluar bukat, mereka mempunyai fasiliti tempat tinggal sementara, tetapi tidak boleh memaksa mereka untuk menetap di sana. DBKL hanya membenarkan simpanan kepada kedua-dua agensi, tetapi masih dititik sebagai pihak utama mengatasi isu gelandangan.

Halukannya, mereka gelandangan hanya boleh diterima masuk ke pusat gelandangan secara sukarela tanpa paksaan, kecuali menjelang ked di masa kegawatan atau masalah kesihatan.

Sukar dibayangkan bagaimana golongan gelandangan dapat memenuhi era pandemic Covid 19. Bantuan demi bantuan diberi pada masa itu, masih berketulan sehingga sekarang, tetapi sikap sumi orang Malaysia yang terkenal dengan sifat bebas kashan.



Andre Lai mendengar keluhan salah seorang gelandangan di bu kota dalam satu lawatan kerja mencari jalan penyelesaian isu bekalan. Foto Andre Lai

Andakan setiap hari ada makanan yang bagur disediakan secara percuma, maka tidak ada keperluan gelandangan untuk keluar dari zon selesa ini.

Ya, tentu, kita sepatutnya memulakan dan memulakan mereka memilih untuk menjadi gelandangan. Tetapi, apabila ini ditulus agar isu gelandangan dapat ditahap dan masa pemerintahan negara Kuala Lumpur sebagai sebuah metropolis moden, kerua masalah isu gelandangan dapat kadar sangat mungkin.

Penyelesaian terhadap kesesama masalah yang dibangkitkan memerlukan perancangan yang lebih menyeluruh dan turut melibatkan kerjasama daripada pelbagai agensi kerjain seperti DBKL, JKJ, Bakulmal, YPN, Imigrasi dan juga Jabatan Penukutan Negara (JPN).

Katiga-tiga Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur berbalik untuk membawa isu ini ke peringkat Duta Bandar dan Kementerian.

Apakah mereka?

Dr Basri berbalah ia adalah kegiatan inifitisi. "Segera agensi kerjain tidak mempunyai kata nekapat untuk menggalakan mereka keluar daripada tempat gelandangan. Setiap agensi mempunyai respons yang sama. Tidak ada kuasa untuk memaksa mereka ke pusat gelandangan, tetapi apakah hai pemilih kedua apabila koridor mereka menjadi tempat tidur gelandangan?" kata Dr Basri.

Carren pula memilih berat ke kebebasan. Beliau berkata "Sangat tidak menyenangkan dengan bu yang tidak selesa. Mereka memilih membangun air di kawasan awam, dan hanya menunggu masa untuk waktu berak. Lupakan, lokasi amat dekat dengan pusat perancangan seperti Pusat Sari dan Onkawan".

Noktahkan Isu Gelandangan Di Era Malaysia MADANI

Lai Chen Heng mengutamakan imej Kuala Lumpur sebagai contoh pelaksanaan Malaysia MADANI. Sava ingin Kuala Lumpur diteliti sebagai sebuah bu kota moden, dan bukan sebagai bu kota gelandangan.

"Meskipun ia tidak nampak serius, tetapi ia pasti akan memak ke kawasan yang lain. Imej kita berakar dan sukar dikembalikan sekiranya ia tidak ditangani", kata Lai.

Apakah yang parti, gelandangan adalah satu wairi berak di depan mata kita. Meskipun sukar, segala perancangan harus perlu ditahap dengan penuh azam dan komitmen, dengan harapan usaha membentasi isu gelandangan ini tidak sebagai mesejan batus di temping.



LEBIH 10,000 TERIMA BEG MAKANAN YAYASAN PETRONAS



Pengurus Kanan Pejabat Petronas Tengah dan Utara Perhubungan Strategik dan Komunikasi Kumpulan, Zulkifli Othman (tengah) menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada penerima bantuan, Lay Fong Lian (kanan) pada program Memacu Kehidupan oleh Yayasan Petronas di Kampung Baru Bercham hari ini. Turut hadir Naib Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Prof Datuk Te Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib (dua, kiri) dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak, Fairus Bahari (kiri). – fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

21/02/2024 05:46 PM

IPOH, 21 Feb (Bernama) -- Lebih 10,000 individu dari golongan kurang berkemampuan di seluruh negara menerima sumbangan beg barangan makanan menerusi Program Memacu Kehidupan oleh Yayasan Petronas.

Pengurus Kanan Pejabat Petronas Tengah dan Utara Perhubungan Strategik dan Komunikasi Kumpulan, Zulkifli Othman berkata program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan secara berperingkat itu adalah bagi memastikan golongan sasaran dari pelbagai kaum dapat menyambut musim perayaan masing-masing dengan gembira dan harmoni.

"Program ini telah bermula sejak 2018 lagi, cuma kita hanya menjenamakan semula nama program tersebut.

"Kita mengutamakan penerima yang menyambut perayaan seperti Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Krismas serta pelbagai perayaan yang disambut di Sabah dan Sarawak," katanya ketika ditemui Bernama.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan barangan makanan kepada lima penerima dari kaum Cina di sekitar kawasan Bercham di sini pada Program Memacu Kehidupan Tahun Baharu Cina 2024 Bagi Negeri Perak, yang turut disertai Naib Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) Prof Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib.

Beliau berkata penerima merupakan golongan kurang berkemampuan serta menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mereka menerima sumbangan berupa barangan makanan seperti beras, minyak masak, tepung, produk makanan dalam tin serta makanan tradisional semasa musim perayaan berjumlah lebih RM200, katanya.

Menurut Zulkifli pada tahun ini, seramai 2,100 penerima merupakan kaum Cina dan daripada jumlah itu, sebanyak 150 penerima dari negeri Perak.

Sementara itu, seorang penerima Mak Tsui Kam, 56, dari Taman Pakatan berkata beliau berasa terharu dengan kunjungan kakitangan Yayasan Petronas ke rumahnya bagi menyampaikan sumbangan berkenaan.

"Saya hanya tinggal bersama suami. Sebelum ini suami saya menjual aiskrim tetapi terpaksa berhenti kerana mengalami strok," katanya yang kehilangan kaki kanan akibat kencing manis.

Seorang lagi penerima, Lay Fong Lian, 78, turut melahirkan rasa gembira semasa menerima sumbangan tersebut.

"Saya ucap banyak-banyak terima kasih kepada Yayasan Petronas, boleh saya gunakan barangan makanan yang ada ini untuk keperluan harian," katanya yang tinggal bersama anak lelakinya.



Beri alasan cari kerja untuk tinggalkan bayi



PIHAK JKM meminta bantuan orang ramai untuk mengesan ibu kandung seorang bayi yang ditinggalkan di Kampung Wadi Hana, Johor Bahru.

Oleh MOHAMED FAIZAL HASHIM 21 Februari 2024, 7:54 pm

JOHOR BAHRU: Seorang wanita memberi alasan mahu mencari pekerjaan apabila meninggalkan bayi perempuannya di rumah seorang penduduk di Kampung Wadi Hana, di sini sebelum menghilangkan diri.

Wanita yang disyaki warga Indonesia tidak muncul bagi mengambil semula bayi itu setelah meninggalkan kepada seorang wanita warga Indonesia dikenali sebagai Isan Nidin sejak 5 Januari lalu.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru, Norhafizah Ahmad berkata, wanita itu meminta kebenaran untuk meninggalkan bayinya yang berusia tiga hari ketika itu selama dua hari kerana mahu mencari pekerjaan untuk menyara anaknya itu.

“Pengadu menyatakan wanita itu memberi alasan perlu mencari kerja dan pengadu terpaksa menerima kerana wanita Indonesia tersebut merayu kepadanya.

“Selepas tiga hari menjaga bayi itu, pengadu mendapati keadaan tubuh bayi itu menjadi kebiruan lalu membawanya ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) untuk tindakan susulan.

“Apabila pengadu gagal mengesan ibu kandung bayi itu, dia telah bertindak membuat laporan kepada Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Johor Bahru,” katanya.


Norhafizah berkata, pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru turut menghubungi wakil konsulat bagi memaklumkan perkara terbabit.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menghantar surat kepada pihak konsulat untuk mendapatkan maklum balas berkenaan bayi berhubung status dan masa depannya.

“Pihak konsulat gagal mengesan lebih lanjut mengenai latar belakang keluarga bayi. Walaupun pengadu mendakwa ibu bayi merupakan warga Indonesia menerusi perbualannya ketika ditemui, namun ia tidak dapat dijadikan bukti yang kukuh.

“Sehubungan itu, bayi itu tidak boleh disahkan sebagai warganegara Indonesia dan pihak konsulat menyerahkan dokumen, penjagaan dan penempatan bayi ini kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru,” katanya.

Justeru, ibu bayi berkenaan perlu tampil ke pejabat JKM dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan tentang wanita tersebut boleh menyalurkan maklumat menerusi talian 07-2232606. – UTUSAN



Pustaka Negeri Sarawak anjur Ceramah Komuniti pada 26 Februari

🕒 2024-02-21T19:39:19+08:00

The poster features a dark background with a large red circle on the right containing the title. On the left, there is a circular portrait of the speaker. Logos for Pustaka Negeri Sarawak and Sarawak Merdeka are in the top left. At the bottom, there are social media icons and a silhouette of a man and a woman in a physical struggle.

Ceramah Komuniti
HAK PERLINDUNGAN
DALAM
KEGANASAN RUMAH TANGGA

26 Februari 2024, Isnin
2:30 - 4:30 Petang
Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching

Penceramah Jemputan
KHAIRUL ANWAR BIN SHAZALI
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak

www.pustaka-sarawak.com | pustaka.sarawak | pustakasw | pustakanegerisarawak | PustakaSarawak

Pustaka Negeri Sarawak akan menganjurkan Ceramah Komuniti bertajuk Hak Perlindungan Dalam Keganasan Rumah Tangga pada 26 Februari 2024.

KUCHING: Pustaka Negeri Sarawak bakal menganjurkan Ceramah Komuniti bertajuk Hak Perlindungan Dalam Keganasan Rumah Tangga pada 26 Februari 2024.

Menurut kenyataan medianya hari ini, ceramah akan berlangsung dari jam 2.30 hingga 4.30 petang di Auditorium Aras 1, Pustaka Negeri Sarawak.

Ia katanya, akan disampaikan oleh Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak Khairul Anwar Shazali.


Menurut kenyataan tersebut, mangsa keganasan rumah tangga berdiam diri kerana tidak tahu hak-hak mereka untuk mendapatkan perlindungan.

Jelasnya, sikap berdiam diri menyebabkan mereka berterusan menjadi mangsa dan menanggung bebanan fizikal dan emosi yang amat berat.

“Jika tidak dibendung, keganasan dalam rumah tangga yang dibiarkan boleh memuncak dan berisiko mengorbankan nyawa.

“Oleh itu, bukan sahaja mangsa, malah masyarakat umum perlu ambil tahu apakah hak-hak perlindungan untuk mangsa keganasan rumah tangga agar nasihat dan bantuan dapat dihulurkan kepada mereka yang memerlukan di sekeliling kita,” ujar kenyataan tersebut.

Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada orang awam.



3 beranak mati tergantung di kipas: Mangsa wanita peramah, ceria - Jiran

Oleh Ahmad Hasbi - Februari 21, 2024 @ 7:34pm
bhnews@bh.com.my



Gambar hiasan

NILAI: Jiran kepada wanita yang ditemui maut bersama dua anaknya dalam keadaan **tergantung pada kipas** di sebuah rumah di Lenggeng, di sini, malam kelmarin, menyifatkan wanita itu sebagai seorang peramah dan ceria.

Wakil persatuan penduduk taman perumahan itu yang enggan namanya disiarkan berkata, kebanyakan penduduk di kawasan berkenaan saling mengenali kerana persatuan sering mengadakan program bersama.

Justeru, katanya, kejadian itu sangat mengejutkan penduduk, lebih-lebih lagi ia membabitkan dua kanak-kanak berusia tiga dan enam tahun.

"Bagi jiran selorong dengan wanita itu, mereka agak rapat dan sering bertegur sapa. Malah, dia sangat peramah dan dilihat tidak menunjukkan sebarang kelakuan pelik.

"Kadang-kadang, kami terserempak dengannya ketika dia beriadah di luar rumah sambil menemani anak bermain basikal. Namun, suaminya jarang kelihatan, mungkin keluar bekerja," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, ada penduduk yang tidak dapat melelapkan mata kerana teringatkan kejadian dianggap tragis itu dengan pelbagai perasaan bercampur baur.

"Penduduk masih tertanya-tanya mengenai kejadian itu. Apapun, biarlah polis menjalankan siasatan," katanya.

Media semalam melaporkan seorang wanita bersama dua anaknya ditemukan mati dalam keadaan tergantung pada kipas di sebuah rumah di Lenggeng.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendent Abdul Malik Hasim, dilaporkan berkata Balai Polis Lenggeng menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki berhubung kejadian itu pada jam 9.25 malam kelmarin.

Sementara itu, Abdul Malik berkata, bedah siasat terhadap mayat wanita berkenaan mendapati punca kematian ialah tekanan pada leher akibat gantung.

"Bedah siasat dijalankan di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), Seremban, semalam. Bagi dua kanak-kanak itu, punca kematian juga akibat tekanan pada leher.

"Hasil siasatan setakat ini mendapati suami mangsa dipercayai tidak terbabit secara langsung dengan kejadian itu. Bagaimanapun, siasatan masih dibuka mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana kesalahan membunuh," katanya.



'Saya kehilangan guru politik' - Nancy Shukri

Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my



Nancy Shukri.

Kuching: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, menyifatkan pemergian [Tun Abdul Taib Mahmud](#) ibarat kehilangan seorang guru baginya.

Ini kerana katanya, Allahyarham adalah individu yang bertanggungjawab membawanya ke arena politik.

"Secara peribadi, kenangan yang tidak akan lupa adalah Allahyarham insan yang pertama telah mengajar saya menyertai bidang politik iaitu sebagai ahli Parlimen pada tahun 2008 sehinggalah sekarang.

"Pemergiannya satu kehilangan besar bukan sahaja buat Sarawak, malah juga negara malah saya secara peribadi kerana menerima banyak tunjuk ajar beliau," katanya dalam kenyataan ringkas, hari ini.

Nancy berkata, Allahyarham mengabdikan sepanjang perjalanannya untuk membangun dan mensejahterakan Sarawak.

"Hanya Allah sahaja yang mampu membalas segala jasa dan bakti Allahyarham kepada rakyat Sarawak," katanya.


Abdul Taib menghembuskan nafas terakhir pada usia 87 tahun di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur, pada 4.28 pagi tadi.

Jenazah Allahyarham diuruskan di Masjid Negara, Kuala Lumpur, sebelum diterbangkan ke Kuching, petang ini.

Jenazah Allahyarham dijangka tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Kuching pada 3.30 petang.

Selepas itu jenazah akan ditempatkan di kediamannya di Demak Jaya dan dibawa ke Dewan Undangan Negeri (Dun) Sarawak pada 8 pagi esok untuk penghormatan terakhir.

Jenazah Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Demak Jaya, esok.



Juruteknik tak mengaku salah dua pertuduhan cabul sepupu perempuan

Oleh Alias Abd Rani - Februari 21, 2024 @ 2:36pm
bhnews@bharian.com.my



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas didakwa mencabul sepupunya dua tahun lalu. NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Seorang juruteknik sebuah syarikat di Singapura dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas dua pertuduhan mencabul sepupu perempuan yang tinggal di rumahnya selepas mangsa kematian ibu, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, lelaki berusia 27 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas dua pertuduhan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 itu dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki terbabit didakwa melakukan amang seksual terhadap sepupunya yang berusia 15 tahun ketika itu, di rumahnya di Batu Pahat, pada jam 4 pagi, 12 Jun 2022.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh sekali lagi mengulangi perbuatan itu terhadap mangsa pada jam 1 pagi, 31 Oktober 2022 dengan semua kejadian dan masa berlaku di tempat sama dan jika sabit kesalahan bagi setiap pertuduhan boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Kejadian itu berlaku ketika mangsa dilaporkan tinggal bersama keluarga tertuduh berikutan kematian ibunya ketika dia berusia enam tahun.

Mangsa ditinggalkan bersama keluarga tertuduh selepas bapanya yang bekerja sendiri, tidak boleh menjaganya.


Selepas kejadian cabul itu, mangsa dengan bantuan ahli keluarga ibunya membuat laporan polis.

Suspek yang bekerja di Singapura ketika ini, ditahan selepas pulang ke rumah keluarganya di Batu Pahat, untuk menyambut perayaan Tahun Baharu Cina, minggu lalu.

Pendakwaan kes itu dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh diwakili peguam Chee Hui Bing.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan mengarahkan lelaki itu melapor diri di Balai Polis Batu Pahat pada setiap awal bulan, selain tidak boleh mengganggu atau berkomunikasi dengan mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 25 Mac ini untuk pendakwaan menyerahkan dokumen berkaitan.



Petani didakwa rogol remaja dibicara 17 September

Published on: Wednesday, February 21, 2024

By: Jo Ann Mool



Pada 7 Feb, 2023, dia meminta dibicarakan terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu. Pertuduhan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

KOTA KINABALU: Seorang petani berusia 68 tahun, yang didakwa merogol seorang perempuan bawah umur di Ranau, tiga tahun lalu akan dibicarakan pada 17 Sept.

Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus menetapkan tarikh itu untuk Atib Bungong semasa sebutan kesnya pada Selasa.

Atib didakwa melakukan jenayah itu terhadap remaja perempuan berusia 14 tahun terbabit, jam 2 petang pada Oktober, 2021 di kawasan semak di tepi sungai di sebuah kampung di Ranau.

Pada 7 Feb, 2023, dia meminta dibicarakan terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu. Pertuduhan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding pada Selasa, pendakwaan ketika memohon tarikh perbicaraan memaklumkan mahkamah bahawa mereka mempunyai antara enam hingga tujuh saksi.

Mahkamah diberitahu, empat daripada saksi adalah dari Ranau.

Elsie menetapkan perbicaraan didengar di Mahkamah Sesyen Ranau.

Sementara menunggu tarikh itu, Atib diperintah direman lanjut.

Timbalan Pendakwa Raya Atiqah Nazihah Azmi mengendalikan pendakwaan.

Atib tidak diwakili.



Lelaki rakam aksi rogol, amang seksual anak tiri didakwa

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Muar: Pekerja pemotong rumput mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual terhadap anak tirinya, tahun lalu.

Lelaki berusia 41 tahun itu membuat pengakuan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa merogol anak perempuan tiri berusia 15 tahun di sebuah rumah di Batu Pahat, pada 9 malam, 6 Jun 2023.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan juga sebatan tidak kurang 20 kali.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama dan kesalahan didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.




Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Mac.

Terdahulu, berdasarkan laporan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu ketika ibu mangsa tiada di rumah dan dia dipercayai merakam aksi melakukan amang seksual terhadap mangsa.

Kejadian itu terbongkar selepas mangsa dipanggil guru kaunseling yang mengesan perubahan mangsa apabila menjadi pendiam.



M'sian gets 69-month jail for rape in NZ

NATION

Wednesday, 21 Feb 2024

PETALING JAYA: A Malaysian man has been sentenced to five years and nine months in jail after he was found guilty of raping his sleeping partner as well as kidnapping her during a road trip in New Zealand.

The 30-year-old man, whose name has been withheld to protect the victim's rights, arrived in New Zealand in March 2020.

He has been in custody for over a year awaiting trial on the charges that stemmed from a series of incidents dating back to July 2021, and after he breached a protection order twice by contacting the victim when he was on bail.

According to The New Zealand Herald, the court found the woman did not consent to having sex when they were together on the morning of July 1, 2021, which led to the charge of rape. And on a later road trip, she was detained in a car against her will, leading to the kidnapping charge.

The man's lawyer, Lee Lee Heah, said the man arrived from Malaysia in March 2020 on a working visa before he met and then "fell in love" with the complainant in April 2021.

By mid-2021, the pair were living in the Tasman region after moving from North Island for seasonal work.

They rented a room in a house where the rape took place on the morning the woman was due to go for a job interview in Nelson.

The man claimed he had taken the day off work to drive her there, but she was still "sleepy" so he woke her "in a romantic way".

The woman said she did not consent to having sex with the defendant and tried to push him away.

On other occasions, she did not want to have sex with him but allowed it "out of duty", reported NZ Herald.

In November 2021, the man booked a cabin on the Cook Strait ferry from Wellington to Picton.

While she slept, he gained access to her phone and found evidence of what was described as her affair with someone else.

After the ferry crossing, the couple drove to Kaikoura but argued about what the man found on her phone.


The next day, a planned whale-watching trip was cancelled due to bad weather. The man began to drive south towards Christchurch but the woman had wanted to return to Nelson.

He was about 10km down the road when the woman realised where they were heading and she began yelling and called the police from the car.

The man then turned around and was pulled over by the police who tracked the vehicle using the woman's cellphone.

In February 2022, the woman complained to police about what happened and a temporary protection order was issued that included conditions not to contact her.

The man pleaded guilty to two charges of breaching a protection order in September last year and attempting to pervert the course of justice by contacting the woman and asking her to withdraw her complaint.



TAJUK : LELAKI TAK MENGAKU SALAH ROGOL, AMANG SEKSUAL ANAK TIRI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 FEB 2024

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki tak mengaku salah rogol, amang seksual anak tiri

Muar: Seorang pemotong rumput dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual terhadap anak tirinya di sebuah rumah di Batu Pahat, tahun lalu.

Tertuduh berusia 41 tahun mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di hada-

pan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa merogol anak tirinya berusia 15 tahun ketika kejadian, di sebuah rumah di Jalan Kluang, Sri Gading, Batu Pahat, pada jam 9 malam, 6 Jun tahun lalu.

Bagi pertuduhan ini, dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan

dengan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan juga sebatan tidak kurang 20 kali.

Boleh kena penjara 20 tahun

Pertuduhan kedua pula, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa dengan semua kejadian, masa berlaku di tempat sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Ke-

salahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.


Mengikut laporan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu ketika ibu mangsa tiada di rumah.

Malah, tertuduh juga dikatakan merakam aksinya ketika melakukan amang seksual fizikal

terhadap mangsa menggunakan telefon bimbit milik lelaki itu.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu pihak pendakwaan tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh atas beberapa faktor termasuk demi keselamatan mangsa memandangkan hubungan mereka sangat dekat.



TAJUK : 'JANGAN TAKUT LAPOR JIKA ANAK DIDERA DI MADRASAH'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 FEB 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Ibu bapa atau penjaga boleh mengambil tindakan perundangan kepada institusi pendidikan yang didapati melakukan penganiayaan kepada pelajar.

Pengarah Advokasi Khidmat Guam, Mahmud Jumaat berkata, tindakan itu boleh dilaksanakan dengan membuat laporan polis dan siasatan dilakukan terhadap institusi pendidikan atau madrasah yang melanggar peraturan.

"Runtuh harapan ibu bapa yang menghantar anak ke madrasah tahfiz dengan niat mempelajari ilmu agama dan menjadi orang yang berguna.

"Namun, hakikat berlaku sebaliknya, pasti ini meruntuhkan harapan ibu bapa malah memberi tekanan emosi berpanjangan kepada pelajar ter-

Jangan takut lapor jika anak didera di madrasah'

babit," katanya.

Mahmud berkata, merujuk laporan Metro Ahad beberapa hari lalu yang mana madrasah tahfiz menjadi tempat kekejaman terhadap pelajar.

Laporan akhbar juga menyatakan mereka dipaksa tidur di tandas, dianiaya secara fizikal, dan dibiarkan dalam keadaan fasiliti tidak layak.

Katanya, keadaan berlaku terhadap pelajar sungguh menjijikkan khususnya bagi pusat pendidikan berteraskan agama.

"Kita dengar cerita sedih tentang mangsa teraniaya, tetapi mereka tidak berani membuat laporan kerana

takut dimarahi dan tiada pilihan lain.

"Mereka terjebak dalam neraka kecil dibina oleh kekejaman manusia, namun, ada satu contoh kes yang boleh membangkitkan semangat kita menegakkan keadilan iaitu kes Pendakwa Raya Iwn Huzzaifah bin Kasa (2022) MLJU 3593.

"Dalam kes ini, seorang kanak-kanak berumur lapan tahun dari Langkawi (Kedah) yang didaftarkan ke madrasah tahfiz oleh ibu bapanya menjadi mangsa kekejaman, terkunci dalam bilik gelap dan berbau busuk dan dibiarkan teraniaya tanpa

belas kasihan," katanya.

Menurutnya, nasib menyebelahi kanak-kanak ini apabila pengadu selaku pegawai pelindung daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Langkawi membuat pemeriksaan di madrasah dan mendapati ada kanak-kanak lelaki iaitu mangsa dikurung di dalam bilik.

"Hasilnya, kebenaran kekejaman dialami mangsa terbongkar, luka merah dan lebam di tubuh kanak-kanak itu menjadi bukti memilukan hasil penganiayaan kejam dilakukan orang yang sepatutnya menjadi pelindung dan pendidik," katanya.



"Runtuh harapan ibu bapa yang menghantar anak ke madrasah tahfiz Mahmud"